

15 OCT 2003

Mahathir-Bukan Melayu/I

BANGSA LAIN BOLEH JADI PM JIKA DITERIMA MELAYU, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata orang bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri Malaysia suatu hari nanti sekiranya dapat memenuhi syarat-syarat tertentu.

"Ini boleh terjadi. Saya sering katakan bahawa akan tiba masanya apabila seorang bukan Melayu akan jadi perdana menteri," katanya.

Bagaimanapun, perdana menteri berkata orang berkenaan mestilah diterima oleh orang Melayu yang merupakan penduduk majoriti di negara ini.

"Sekiranya seseorang itu mengambil berat tentang orang Melayu, berjuang membela nasib mereka dan berlaku adil kepada sesiapa jua, saya fikir orang Melayu akan hilang rasa takut mengenai kemungkinan orang bukan Melayu menjadi perdana menteri," katanya dalam temu bual dengan Bernama semalam.

Temu bual selama 75 minit itu dikendalikan oleh Pengerusi Bernama, Datuk Kalimullah Hassan, Ketua Pengarang, Jaafar Hussin serta dua Editor Eksekutif, Datuk Azman Ujang dan Yong Soo Heong.

"Sekiranya dia tidak diterima oleh orang Melayu, maka susahlah dia hendak jadi perdana menteri kerana orang Melayu adalah penduduk majoriti. Tapi ini bukan mustahil," kata Dr Mahathir.

Perdana menteri berkata demikian apabila ditanya sama ada bukan Melayu boleh menyandang jawatan politik lebih tinggi memandangkan Barisan Nasional terdiri daripada beberapa parti komponen yang mewakili pelbagai kaum.

Ditanya tentang kemungkinan politik di Malaysia tidak akan lagi berdasarkan kepada kaum suatu hari nanti, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak mustahil tetapi ia akan hanya wujud apabila semua kaum menikmati kemajuan serta status yang sama.

Beliau berkata contoh wujudnya keadaan tidak seimbang antara kaum di negara ini dapat dilihat dengan ketara apabila dalam perkhidmatan awam, jumlah bukan Melayu begitu kurang manakala dalam sektor swasta pula, jumlah orang Melayu sangat kecil.

"Kita perlu wujudkan keadaan seimbang. Yang ini (sektor awam) perlu ditambah (jumlah), yang itu juga (sektor swasta) perlu ditambah," katanya.

Mengulas mengenai pembentukan bangsa Malaysia menjelang tahun 2020, Dr Mahathir berkata "sekiranya kita semua berkelakuan seperti rakyat Malaysia, memahami budaya satu sama lain dan bercakap bahasa yang sama, saya fikir, akhirnya kita akan menjadi satu."

Perdana Menteri berkata kerana itulah kerajaan menggubal Dasar Ekonomi Baru bagi memastikan tiada mana-mana kumpulan yang tersisih dan semua bangsa akhirnya dapat menikmati peluang serta kekayaan secara sama rata di negara ini.

Beliau berkata, bahawa daripada satu segi, tindakan yang diambil melalui DEB telah membuahkan hasil jika dilihat bahawa krisis kewangan yang melanda rantau ini pada 1997-99 tidak menyebabkan berlakunya pergaduhan kaum.

Diminta menjelaskan hubungan beliau dengan bukan Melayu sepanjang 22 tahun memimpin negara ini, Dr Mahathir berkata mereka mengambil masa secara beransur-ansur untuk mengenali beliau.

Dr Mahathir berkata: "Pada mulanya, mereka sangsi terhadap saya. Lama kelamaan, mereka dapati saya bukan memusuhi mereka, saya hanya ingin berlaku adil kepada mereka tetapi pada waktu yang sama, saya juga perlu melindungi kepentingan Bumiputera, terutama orang Melayu, dan apabila saya buat begitu, ia mestilah dibuat dengan seimbang.

"Dan, ada kalanya, seperti yang semua orang tahu, saya marah orang

Melayu, dan kadang kala saya marah orang Cina dan India apabila mereka membuat sesuatu perkara yang tidak patut kepada yang lain. Saya telah bertindak dengan sangat adil, sangat seimbang dalam kritikan saya. Saya rasa, suatu hari nanti mereka akan sedar bahawa saya bukan memusuhi mereka, malah saya sedia menolong mereka."

-- BERNAMA

SHY JH SP MAI